

28/02/1998

Asean bincang perakuan bank pusat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Asean (AFMM) yang bermula di Jakarta hari ini adalah langkah penting bagi negara anggota menangani krisis ekonomi serantau secara kolektif, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kami akan membincangkan secara khusus perakuan bank-bank pusat Asean mengenai perdagangan di kalangan Asean dan mekanismenya," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang sebelum berlepas ke Jakarta, hari ini.

Timbalan Perdana Menteri merujuk kepada usaha Asean untuk menggunakan mata wang masing-masing bagi tujuan perdagangan. Menteri Kewangan rantau ini kali terakhir bermesyuarat pada Disember lalu.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata, mesyuarat itu akan berkesan dari segi kerjasama oleh anggota Asean untuk memerangi krisis ekonomi.

Ekonomi Asean, Hong Kong dan Korea Selatan menghadapi kegawatan berikutan serangan spekulatif terhadap mata wang mereka bermula dengan baht Thai pada Julai tahun lalu.

Paling teruk ialah Indonesia, Thailand dan Korea Selatan, yang menerima bantuan kewangan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). AFMM, yang berakhir esok, bermula semalam dengan mesyuarat pegawai kanan termasuk pegawai Perbendaharaan Malaysia yang menyediakan agenda bagi Menteri-menteri Kewangan, untuk dibincangkan.

Langkah menggunakan mata wang serantau, yang memperolehi sambutan, bertujuan dapat mengurangkan pergantungan rantau ini kepada dolar Amerika dan kesan kejatuhan tinggi dalam mata wangnya berbanding dolar.

Sebagai langkah lanjut kepada penggunaan mata wang serantau, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad awal bulan ini berkata, Malaysia, Indonesia dan Thailand bersetuju menubuhkan rumah penjelasan pusat bagi perdagangan kalangan Asean.

Mengenai isu lain yang akan dibincangkan, Anwar berkata: "Kami juga akan membincangkan kertas mengenai inisiatif Hong Kong bagi Tabung Khas Asia untuk membantu ekonomi Asia yang bermasalah."

Beliau juga berkata, dalam mesyuarat itu, Malaysia akan terus mempertahankan pendiriannya untuk kawalan ke atas penyangak spekulator matawang dalam usaha menanamkan sedikit disiplin di kalangan mereka.

Mengenai sumbangan Jepun dan Taiwan kepada mesyuarat itu, Anwar berkata walaupun bukan anggota, mereka terbabit dalam perbincangan peringkat jawatankuasa dengan menyuarakan kesanggupan bekerjasama dengan Asean bagi mengatasi masalah sekarang.

Anwar berkata, perbincangan lanjut akan diadakan mengenai cadangan instrumen hutang swasta yang diluluskan pada mesyuarat terakhir di sini Disember lalu.

(END)